

# Tun tidak dihalang temui pelajar: Shafie

BH-23/7/2006

## Kelab Umno Luar Negara tak pernah sekat pertemuan

Oleh Sazarina Shahrim

**K**UALA LUMPUR: Kelab Umno Luar Negara tidak pernah menghalang sebarang perjumpaan antara bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan pelajar Malaysia di London, England.

Pengerusi Jawatankuasa Kelab Umno Luar Negara, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata pihaknya tidak menerima permohonan daripada bekas Presiden Umno itu untuk mengatur perjumpaan dengan pelajar Malaysia.

"Saya tidak pernah mengeluarkan arahan menghalang mana-mana pihak apatah lagi Dr Mahathir yang kita anggap sebagai pemimpin Umno untuk berjumpa dengan pelajar kita di luar negara.

"Saya tidak tahu dengan siapa Dr Mahathir berurusan untuk mengadakan perjumpaan, tetapi laporan yang saya terima memang kita tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Dr Mahathir berhubung perkara itu.

"Kebiasaan kita galakkan mana-mana pihak yang ingin menga-

**“***Saya tidak tahu dengan siapa Dr Mahathir berurusan untuk mengadakan perjumpaan, tetapi laporan yang saya terima memang kita tidak menerima sebarang permohonan daripada pihak Dr Mahathir berhubung perkara itu”*

**Mohd Shafie Apdal**  
Pengerusi Jawatankuasa Kelab  
Umno Luar Negara

dakan perjumpaan dengan pelajar kita di luar negara akan kita galakkan, cuma kita tidak mahu ia dilakukan terlalu kerap sehingga mengganggu pelajaran mereka,” katanya pada sidang media selepas Majlis Penerangan Isu Semasa di sini, semalam.

Shafie berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Dr Mahathir sekembalinya daripada bercuti di Eropah, bahawa beliau tidak dibenarkan berjumpa dengan pelajar Malaysia di London.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, tidak menolak pembatalan perjumpaan antara Dr Mahathir dan pelajar Malaysia disebabkan ia diatur tanpa persediaan rapi dan hanya dilakukan pada saat akhir.

“Mungkin dibuat (perjumpaan) tanpa persediaan rapi...kita perlu sia-sat, maklumat yang saya terima ia mungkin dilakukan pada saat akhir,” katanya.

Sementara itu *Bernama* melaporkan, Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib, berkata Umno tidak pernah menghalang ahlinya berjumpa Dr Mahathir.

Beliau berkata, kepemimpinan Umno mempunyai sikap terbuka dalam hal ini dan menghormati bekas Perdana Menteri itu sebagai pemimpin yang menerajui negara dan parti selama 22 tahun.

Dalam pada itu, Umno akan terus memberikan sokongan kepada presiden dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, katanya kepada pemberita selepas sesi taklimat kepada ketua penerangan Umno negeri dan bahagian, Wanita, Pemuda dan Puteri, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Muhammad menyentuh tindakan Dr Mahathir kebelakangan ini mengkritik kerajaan dan kepemimpinan Abdullah dengan mendakwa Perdana Menteri melanggar janji untuk meneruskan keputusan yang dibuat pentadbiran sebelum ini.

Kerajaan jawab kritikan itu dan Umno bersikap terbuka, katanya.

Dalam sesi taklimat itu, Muhammad mengingatkan ahli Umno berusaha mencapai matlamat Wawasan 2020 serta mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dan pembangunan modal insan.